

RINGKASAN EKSEKUTIF

Rancangan Pengurusan Hutan Negeri Perak bagi tempoh 2026–2035 merupakan dokumen rasmi yang komprehensif dan diiktiraf di peringkat nasional. Dokumen yang dirangka oleh Jabatan Perhutanan Negeri Perak (JPNPk) bertujuan untuk memastikan pengurusan HSK dilaksanakan secara terancang, lestari dan cekap. Dokumen ini menjadi panduan penting bagi pihak berkuasa negeri, JPNPk dan semua pemegang taruh dalam memastikan pengurusan HSK yang mampan, selaras dengan Dasar Perhutanan Malaysia (DPM), Dasar Perhutanan Semenanjung Malaysia (DPSM), dan aspirasi negeri melalui Pelan Perak Sejahtera 2030, khususnya kerangka Perak Bumi Lestari. Penyediaan RPH ini memenuhi peruntukan perundangan Seksyen 2(1) dan Seksyen 4 Enakmen Akta Perhutanan Negara 1984 (Pemakaian) 1985. Kerajaan Negeri beriltizam untuk mengekalkan pengiktirafan antarabangsa melalui Skim Pensijilan Kayu Malaysia (MTCS). RPH ini juga penting untuk mematuhi peraturan antarabangsa baharu seperti Peraturan Produk Bebas Penebangan Hutan Kesatuan Eropah (EUDR), membuktikan aktiviti pengeluaran hasil hutan dijalankan secara sah dan bertanggungjawab. HSK negeri Perak, yang meliputi keluasan 987,963.09 ha (hingga 31 Disember 2024), merangkumi hutan asli (darat dan paya laut) dan hutan ladang, serta memfokuskan kepada pemeliharaan mega biodiversiti, selain menyediakan kayu-kayan, hasil herba, ubat-ubatan, sumber makanan, dan berperanan penting sebagai kawasan tadahan air serta pembekal oksigen.

Ringkasan Eksekutif ini disediakan berdasarkan dokumen RPH negeri Perak bagi tempoh 2026–2035, yang merangkumi perkara-perkara berikut, mengikut format Panduan Penyediaan RPH Negeri-negeri di Semenanjung Malaysia [Kemas kini 2023]:

a. Objektif Pengurusan

Rancangan ini digubal dengan objektif untuk mencapai pengurusan dan pembangunan berkekalan sektor perhutanan selaras dengan dasar, strategi dan matlamat pengurusan hutan yang mengambil kira keperluan sosio-ekonomi, alam sekitar serta kepelbagaian biologi. Misi utama Jabatan Perhutanan Negeri Perak (JPNPk) adalah untuk memperkasakan kelestarian pengurusan kepelbagaian fungsi hutan bagi kesejahteraan masyarakat, daya tahan ekosistem dan kemampanan ekonomi.

Sembilan objektif khusus yang digariskan termasuk:

1. Memastikan kawasan hutan yang mencukupi diurus secara lestari dengan mengekalkan kepelbagaian fungsinya.
2. Meningkatkan kawasan perlindungan serta menghubungkan kawasan hutan terpencil bagi menjamin kelangsungan habitat hidupan liar.
3. Memperkukuh aktiviti pemeliharaan, restorasi dan pengeluaran hasil hutan secara lestari sebagai langkah mitigasi terhadap perubahan iklim.
4. Mempertingkatkan hasil perkhidmatan hutan dan aktiviti ekopelancongan.
5. Mentransformasikan amalan pengurusan hutan melalui penggunaan teknologi dan pendigitalan.
6. Memperkasakan pengurusan perladangan hutan bersepadu secara mesra alam.
7. Memastikan penggunaan sumber hutan yang lebih cekap untuk industri pemprosesan hasil hutan.
8. Menggalakkan penglibatan masyarakat setempat, komuniti Orang Asli dan badan bukan kerajaan dalam aktiviti pengurusan hutan.
9. Membangunkan modal insan yang kompeten, inovatif dan berdaya saing.

Objektif lain termasuk memelihara dan melindungi kepelbagaian biologi, air, dan tanah secara berkekalan, serta meningkatkan kualiti dan kecekapan kilang pemprosesan industri berasaskan keluaran hutan.

b. Penerangan tentang Pentadbiran Organisasi, Sumber Hutan untuk Diurus, Kekangan Alam Sekitar, Guna Tanah dan Status Pemilikan, Keadaan Sosio-Ekonomi, dan Profil Kawasan Tanah yang Berdekatan

- Pentadbiran Organisasi: Jabatan Perhutanan Negeri Perak (JPNPk) berfungsi sebagai penasihat pihak berkuasa negeri (PBN) dalam pentadbiran sumber hutan dan mengurus HSK secara lestari. JPNPk bekerjasama dengan rakan strategik seperti JAKOA, PERHILITAN, PDRM, ATM, FRIM, JMG, JAS, dan pelbagai NGO. Struktur perjawatan yang diluluskan pada 2025 adalah sebanyak 767 jawatan, dengan 695 jawatan diisi (90.6%).
- Sumber Hutan untuk Diurus: RPH ini meliputi keseluruhan kawasan HSK negeri Perak seluas 987,963.09 ha (hingga 31 Disember 2024), termasuk hutan asli (hutan darat dan hutan paya laut), hutan ladang dan taman negeri. HSK dikategorikan kepada 11 kelas fungsi hutan bawah Seksyen 10(1) Akta Perhutanan Negara 1984.
- Kekangan Alam Sekitar: Kekangan termasuk pengurusan Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS) seperti kawasan *Central Forest Spine* (CFS) yang berhampiran kawasan perlindungan, tadahan air, dan muka bumi berbatu. Kawasan sensitif seperti Hutan Perlindungan Tanah (HPT) dikenal pasti sebagai curam dan sensitif terhadap perubahan persekitaran yang boleh mengakibatkan hakisan atau tanah runtuh. Aktiviti seperti kuari berhampiran Taman Eko-Rimba Ulu Kinta telah menjejaskan kualiti air sungai, menyebabkan kekeruhan, hakisan, dan pendedapan kelodak.
- Guna Tanah dan Status Pemilikan: Guna tanah negeri Perak didominasi oleh kawasan hutan (1,058,221.45 ha atau 50.39%) dan pertanian (789,665.78 ha atau 37.60%). Segala hal ehwal pentadbiran tanah adalah dalam bidang kuasa Kerajaan Negeri. HSK diuruskan berdasarkan prinsip pengurusan hasil secara berkekalan.
- Keadaan Sosio-Ekonomi: Negeri Perak mempunyai kira-kira 2.54 juta penduduk. Sektor perkhidmatan merupakan penyumbang terbesar kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) (61.4%), manakala sektor perhutanan dan pembalakan menyumbang sekitar 2.7% daripada keseluruhan sektor pertanian. Komuniti Orang Asli (62,134 orang) dan masyarakat tempatan di pinggir HSK mempunyai kebergantungan sosial, budaya, dan ekonomi yang tinggi terhadap sumber hutan.
- Profil Kawasan Tanah Berdekatan: Terdapat dua jenis penempatan utama: perkampungan Orang Asli (sebahagiannya dalam HSK) bawah kelolaan JAKOA, dan perkampungan tradisi (majoriti Melayu) yang kesemuanya berada di luar HSK. Komuniti ini mempunyai hak tradisional untuk mengakses hasil hutan bukan kayu (HHBK) dan terlibat dalam aktiviti ekopelancongan.

c. Penerangan tentang Silvikultur dan/atau Sistem Pengurusan yang Lain Termasuk Pencegahan dan Kawalan Kebakaran, Berdasarkan Ekologi Hutan Berkenaan dan Maklumat yang Diperoleh Melalui Inventori Sumber

- Sistem Pengurusan Hutan Asli: Pengurusan hutan darat asli di Perak dilaksanakan mengikut konsep pengurusan hutan secara berkekalan (SFM) menggunakan piawaian MC&I SFM. Sistem pengurusan telah berevolusi, termasuk *Malayan Uniform System* (MUS) yang digunakan selepas Perang Dunia Kedua untuk mewujudkan hutan seragam.
- Rawatan Silvikultur: Rawatan silvikultur dijalankan tiga hingga lima tahun selepas tebanan. Opsyen rawatan adalah sama ada memotong akar/pepanjat (CL) atau tanaman mengaya (TM), berdasarkan keputusan analisis Inventori Hutan Selepas Tebanan (Post-F).

- Pengurusan Hutan Paya Laut: Hutan Paya Laut Matang diiktiraf sebagai satu daripada sistem pengurusan hutan paya laut terbaik di dunia dan menyediakan sumber seperti kayu bakau untuk arang. Rancangannya dirujuk dalam Rancangan Kerja Hutan Paya Laut Matang 2020-2029 (RKHPL 2020-2029).
- Pencegahan dan Kawalan Kebakaran: Strategi pengurusan kebakaran hutan merangkumi pemantauan dan pengesanan awal menggunakan sistem satelit (seperti ForFIS) dan rondaan berkala di kawasan berisiko tinggi. Kesiapsiagaan operasi melalui penubuhan pasukan pemadam api dan kerjasama agensi (Bomba, NADMA) turut ditekankan.

d. Rasional bagi Kadar Pengusahaan/Penuaian Tahunan dan Pemilihan Spesies, Termasuk Hasil Hutan Bukan Kayu yang Digunakan Secara Komersial

- Kadar Pengusahaan/Penuaian Tahunan: Pengusahaan kayu dilaksanakan mengikut kadar pertumbuhan hutan bagi memastikan sumber kekal lestari, selaras dengan konsep perolehan berkekalan. Had batas tebang (HBT) ditentukan menggunakan data bancian sebelum tebang (Pre-F) dan Sistem Inventori Hutan Sebelum Tebang.
- Pemilihan Spesies (Kayu): HBT minimum ditetapkan: dipterokarpa pada 65 cm diameter paras dada (dbh) dan bukan dipterokarpa pada 55 cm dbh. Perbezaan HBT antara kaum dipterokarpa dan bukan dipterokarpa mestilah tidak kurang daripada 5 cm.
- Pemilihan Spesies (Fauna): Terdapat senarai 38 spesies pokok buah-buahan dan pokok sumber makanan (khususnya burung) yang tidak boleh ditebang demi kepentingan fauna.
- Hasil Hutan Bukan Kayu (HHBK) Komersial: HHBK merupakan sumber ekonomi penting.
- Pengurusan memantau dan mengurus program tanaman herba, rotan, buluh, dan hasil bukan kayu lain. Sumber HHBK yang dimanfaatkan secara ketara termasuk petai (9.2% isi rumah menggunakan), rotan (5.2%), buluh (2.2%), durian (2.0%), dan madu hutan (1.7%).

e. Peruntukan untuk Pemantauan Tumbesaran dan Dinamik Hutan

- Pemantauan tumbesaran adalah kritikal untuk menentukan jumlah kandungan isi hutan yang boleh dikeluarkan dan tempoh pusingan tebang seterusnya.
- Petak Tumbesaran (*Growth Plots*): Sebanyak 15 petak tumbesaran (100m x 100m) telah ditubuhkan (seawal 1992) dalam HSK Perak untuk menilai keupayaan pemulihan, potensi pengeluaran, purata tumbesaran, kadar penokokan dan kadar kematian.
- Kekerapan Bancian: Bancian di petak-petak ini dilaksanakan setiap dua tahun sekali.
- Inventori Selepas Tebang (Post-F): Inventori selepas tebang dijalankan dalam tempoh dua hingga lima tahun selepas pengusahaan, dengan intensiti pensampelan 10% untuk menilai keadaan dirian tinggal dan menentukan rawatan silvikultur yang sesuai.

f. Perlindungan ke atas Alam Sekitar Berdasarkan Penilaian Alam Sekitar

- Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA): EIA adalah keperluan mandatori untuk aktiviti pembalakan, tertakluk kepada Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Pindaan 1996). EIA bertujuan meminimumkan kesan negatif operasi perhutanan ke atas biodiversiti, sumber air, tanah, dan ekosistem rapuh.
- Pelaksanaan: JPNPk telah melaksanakan sebanyak 28 laporan EIA berkaitan aktiviti pembalakan setakat 31 Disember 2024.
- Pengurusan Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS) : KSAS dikenal pasti, dan pembangunan baharu tidak digalakkan di kawasan sensitif tinggi, manakala pembangunan terkawal boleh dipertimbangkan di KSAS dengan nilai kesensitifan rendah. Garis Panduan Perancangan Pemuliharaan dan Pembangunan (GPPPP) KSAS diterbitkan pada 2017 untuk membantu kawalan perancangan.

g. Pelan untuk Mengenal Pasti dan Melindungi Spesies-spesies yang Jarang Ditemui, dalam Bahaya dan Terancam

- Perlindungan Habitat Khas: Spesies terancam dilindungi melalui pewujudan Kawasan Hutan Bernilai Pemuliharaan Tinggi (HCV) dan Hutan Perlindungan Hidupan Liar (HPHL).
- Spesies Utama Dikenal Pasti: Harimau belang (*Panthera tigris*) diiktiraf sebagai spesies payung (*umbrella species*); spesies mamalia besar lain termasuk gajah Asia, seladang, dan tapir. Flora endemik/terancam yang dilindungi dalam HCV termasuk *Shorea lumutensis* (balau putih), *Johannesteijsmannia perakensis* (daun sang), dan *Rhizanthus infanticida* (bunga pakma tikus).
- Aktiviti Perlindungan: Pelaksanaan penilaian pantas dan inventori terhadap kewujudan spesies hidupan liar yang unik, endemik, dan terancam. Kerjasama dengan agensi lain (PERHILITAN) dan institusi penyelidikan digalakkan untuk pemantauan biodiversiti dan program seperti Bio-Blitz. Pengurusan kawasan HCV diintegrasikan dalam perancangan Rangkaian Ekologi *Central Forest Spine* (CFS) untuk menghubungkan habitat yang terputus.

h. Penerangan Asas Sumber Hutan Termasuk Kawasan-kawasan Perlindungan, Aktiviti-aktiviti Pengurusan yang Dirancang dan Pemilikan Tanah

- Sumber Hutan Asas dan Pemilikan Tanah: Kawasan HSK negeri Perak seluas 987,963.09 ha, yang mana pemilikan tanah diklasifikasikan bawah HSK yang diuruskan oleh JPNPk.
- Kawasan Perlindungan dan Fungsi Hutan: HSK dibahagikan kepada 11 kelas fungsi, termasuk:
 - o Hutan Tadahan Air (HTA): Diwartakan seluas 159,866 ha.
 - o Taman Negeri Royal Belum (TNRB): Diwartakan seluas 117,5009 ha.
 - o Hutan Simpanan Hutan Dara (VJR): 12 kawasan dengan jumlah 6,605.63 ha.
 - o Taman Eko-Rimba (TER): Tiga belas (13) lokasi diuruskan untuk rekreasi dan pendidikan.
- Aktiviti Pengurusan Dirancang: Termasuk pengurusan pengeluaran kayu (SFM/RIL), rawatan silviculture (CL/TM), penubuhan hutan ladang, dan pembangunan ekopelancongan .

i. Penerangan dan Justifikasi tentang Teknik-teknik Pengusahaan/ Penuaian dan Peralatan yang Akan Digunakan

- Teknik Pengusahaan: Pengusahaan hutan darat asli dilaksanakan mengikut Garis Panduan Pembalakan Berimpak Rendah (RIL).
- Justifikasi RIL: Pendekatan RIL diguna pakai kerana pendekatan ini terbukti dapat mengurangkan kesan negatif terhadap dirian tinggal, tanah, dan sumber air, serta mengekalkan kapasiti pengeluaran hutan dan fungsi ekologi selepas tebangan.
- Peralatan: Walaupun peralatan khusus tidak diperincikan, kecekapan operasi pengusahaan hutan dan pematuan kepada peraturan oleh kontraktor pembalakan ditekankan untuk mengurangkan kerosakan alam sekitar. Dari segi pengurupemohonan kawasan membalak menjejaki pergerakan kayu balak dan Analisis Inventori Hutan Pre-F dan Post-F untuk pepadanan data sebelum dan selepas tebangan.

j. Penerangan tentang Konsultasi dengan Pihak Berkepentingan

- Sesi Formal: RPH disediakan selari dengan keperluan sesi konsultasi. pelaksanaan penilaian impak sosial (SIA) sebelum, semasa, dan selepas aktiviti pengusahaan adalah mandatori dan melibatkan konsultasi dengan wakil komuniti, ketua kampung, atau ketua isi rumah (KIR).
- Komuniti Orang Asli: Konsultasi termasuk menjamin hak untuk berunding dan memberi persetujuan awal (*Free, Prior and Informed Consent* – FPIC) sebelum sebarang aktiviti pembangunan di kawasan yang digunakan oleh mereka. Pengurusan konflik melibatkan mesyuarat berkala dengan Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA).
- Penglibatan Masyarakat: Penglibatan masyarakat setempat digalakkan dalam aktiviti pengurusan hutan, ekopelancongan berasaskan komuniti (CBET), dan program Perhutanan Masyarakat.

k. Langkah-langkah Menanda, Mengekal dan/atau Meningkatkan Sifat-sifat HCV

- Pengekalan Sifat HCV: Hutan nilai pemuliharaan tinggi (HCV) merujuk kepada kawasan hutan yang mempunyai nilai pemuliharaan luar biasa, termasuk kehadiran spesies endemik (seperti *Shorea lumutensis*), habitat unik (sira), dan kepentingan sosial/budaya (tapak perkuburan prasejarah). Terdapat 13 petak HCV di Perak (hingga April 2024).
- Penandaan dan Pengekalan: Pengurusan HCV dilaksanakan mengikut Pekeliling KPPSM Bil. 9/2024. Aktiviti termasuk:
 - o Bancian Dirian dan Penandaan Sempadan: Dilaksanakan setiap dua tahun.
 - o Pemantauan Status Kawasan: Dilakukan dua kali setahun untuk memastikan kawasan bebas daripada pencerobohan dan gangguan.
 - o Perancangan Ekologi: Kawasan HCV diintegrasikan dalam perancangan Rangkaian Ekologi *Central Forest Spine* (CFS) untuk memperkukuh kesinambungan ekologi.
- Peningkatan Sifat HCV: Melibatkan perlindungan spesies utama (seperti tapir Malaysia) melalui Pelan Tindakan Pemuliharaan (MatCAP).

I. Maklumat-maklumat Lain yang Bersesuaian

- Pensijilan Hutan: Malaysia komited untuk melaksanakan pensijilan hutan Skim Pensijilan Kayu Malaysia (MTCS) dan *Programme for the Endorsement of Forest Certification* (PEFC). Negeri Perak telah memperoleh Sijil Pengurusan Hutan mengikut Standard MC&I (SFM) hingga 31 Mei 2029.
- Perkhidmatan Ekosistem Hutan (PES): JPNPk berpotensi besar untuk meneroka skim *Payment for Ecosystem Services* (PES). Bidang fokus PES termasuk rekreasi/ekopelancongan (menggunakan kajian Kesanggupan Membayar - WTP), penyimpanan karbon, dan tadahan air. Caj Perkhidmatan Zon Penampakan boleh dikenakan kepada agensi-agensi yang mendapat manfaat, seperti operator empangan hidroelektrik, dengan kadar RM1,000 per ha setahun bagi kawasan $\pm 7,634$ ha zon penampakan HSK di sekitar empangan.
- Pendigitalan dan Pemantauan Teknologi: JPNPk menggunakan pelbagai sistem ICT untuk operasi lestari, termasuk sistem e-Geospatial Perhutanan (e-GP), sistem *Electronic for Logging* (E-Forlog), sistem *Forest Monitoring Using Remote Sensing* (FMRS), dan e-Permit untuk ekopelancongan.
- Pendidikan Hutan: Pusat Eko-Pelajaran Hutan Paya Laut Matang, TER Ulu Kenas, dan TER Kledang Saiong perlu diwartakan sebagai Hutan Pelajaran untuk meningkatkan kesedaran awam, pendidikan, dan penyelidikan alam sekitar.

Secara ringkas, RPH ini mengandungi lapan (8) bab penting: Pendahuluan (Bab 1), Strategi Pelaksanaan (Bab 2), Persekitaran Fizikal dan Sosio-Ekonomi (Bab 3), Analisis Jurang (Bab 4), Penilaian Kuantitatif dan Kualitatif Sumber Hutan (Bab 5), Preskripsi Pengurusan Hutan (Bab 6), Pemantauan, Pengawasan dan Penilaian (Bab 7), dan Bajet (Bab 8).

Strategi pelaksanaan menekankan keseimbangan antara aspek alam sekitar, sosial dan ekonomi. Perak turut menumpukan kepada strategi penjana sumber ekonomi baharu berkonsepkan “Forest Beyond Timbers”. Ini termasuk potensi mengimbangi karbon di kawasan perlindungan untuk menyumbang kepada sasaran neutral karbon negara menjelang 2050. Selain itu, inisiatif bayaran untuk perkhidmatan ekosistem hutan (PFES) dilihat berpotensi menjana pendapatan tambahan kepada JPNPk sama ada secara skim bayaran awam, swasta, atau awam-swasta. Analisis sosio-ekonomi menunjukkan RPH menyokong tema Sejahtera Sosial dan Sejahtera Ekonomi Perak Sejahtera 2030, termasuk melalui pengurusan destinasi mampan dan penglibatan komuniti.

Berdasarkan Analisis Jurang (Bab 4) bagi tempoh RPH sebelumnya (2016-2025), JPNPk dilaporkan telah melaksanakan RPH dengan jayanya, walaupun terdapat keperluan penambahbaikan dalam pelaksanaan Catuan Tebangan Tahunan (CTT). Pematuhan CTT semasa RMK12 (2021-2025) hanya mencapai 69.36% (22,888 ha) daripada kuota 33,000 ha, menunjukkan keperluan untuk meneliti semula pengurusan CTT. Dari segi pemeliharaan, JPNPk telah mengenal pasti dan menubuhkan 13 petak Hutan Nilai Pemuliharaan Tinggi (HCVF) setakat April 2024, melindungi spesies endemik seperti *Shorea lumutensis* dan *Rhizanthus infanticida*, dan kawasan ini diintegrasikan dalam perancangan Rangkaian Ekologi *Central Forest Spine* (CFS).

Penilaian kuantitatif sumber hutan (Bab 5) pada tahun 2025 menunjukkan hasil positif dalam kandungan dirian hutan. Inventori yang dijalankan ke atas hutan yang dibalak lebih 30 tahun mendapati isi padu bersih yang berpotensi diusahakan (bagi pokok >60cm dbh) adalah 61.8 m³/ha, melebihi had pengeluaran berekonomi sebanyak 28 m³/ha. Berdasarkan maklumat ini, Catuan Tebangan Tahunan (CTT) yang dijangka untuk RMK13 (2026-2030) adalah 6,100 ha setahun, atau bersamaan 30,500 ha untuk lima tahun. Bagi tempoh RPH 2026-2035, kawasan CTT bersih yang tersedia untuk diusahakan adalah sejumlah 187,019 ha. Penilaian ke atas perkhidmatan ekosistem hutan pula menganggarkan potensi hasil tahunan antara RM3.16 juta hingga RM4.38 juta setahun daripada mekanisme PES berasaskan rekreasi dan ekopelancongan. JPNPk sedang meneroka projek karbon berasaskan *Nature-Based Solutions* (NBS), termasuk projek bersama Yayasan Hasanah/SEARRP dan kajian awal dengan Petronas di Hutan Paya Laut Matang dan Hutan Simpan Amanjaya.

Preskripsi Pengurusan Hutan (Bab 6) menggariskan pelbagai aktiviti utama. Bagi Hutan Pengeluaran, aktiviti Inventori Hutan Sebelum Tebangan (Pre-F) akan dijalankan dianggarkan seluas 30,500 ha (6,100 ha/tahun) bagi tempoh 2026–2030, dengan keutamaan kepada baki kawasan Pre-F yang belum dilesenkan (19,885 ha). Pengusahasilan akan mengikut had batas tebangan (HBT) minimum 65 cm dbh bagi dipterokarpa dan 55 cm dbh bagi bukan dipterokarpa, serta mematuhi Garis Panduan Pembalakan Kurang Impak (RIL). Rawatan silvikultur seperti memotong akar/pepanjat (CL) dan tanaman mengaya (TM) akan dijalankan selepas inventori hutan selepas tebangan (Post-F) yang dijangka meliputi kawasan tertunggak seluas 72,768 ha hingga 2027.

Pengurusan kawasan berciri khas termasuk Hutan Ladang, yang mempunyai keluasan kelulusan 32,375 ha, dan Hutan Perlindungan Tanah (HPT). Sebanyak 190,598.10 ha telah dikenal pasti hingga Disember 2024 untuk diuruskan. JPNPk merancang untuk menyemak semula sempadan HPT ini, termasuk mengeluarkan kawasan yang telah diluluskan untuk ladang hutan (contohnya di HS Kledang Saiong). Pengurusan Taman Eko-Rimba (TER) atau Hutan Lipur difokuskan kepada pembangunan produk ekopelancongan yang lestari dan berpandukan data, termasuk implementasi Kajian Had Daya Tampung (*Carrying Capacity*) dan penggunaan teknologi digital seperti kod QR/e-permit untuk kawalan pengunjung. TER Kledang Saiong, Ulu Kenas, dan Lata Iskandar diutamakan untuk penjenamaan semula dan penambahbaikan fasiliti. Dari segi pengeluaran hasil, HSK merupakan sumber utama pengeluaran kayu balak di Perak, menyumbang 82% daripada 3.5 juta m³ yang direkodkan dari 2015–2024. Perhutanan Masyarakat (*Social Forestry*) diurusperdanakan melalui pendekatan “Satu Daerah Hutan, Satu Projek Perhutanan Masyarakat (1PHD–1SF Project)” bagi meningkatkan taraf hidup dan pembasmian kemiskinan komuniti setempat dan Orang Asli.

Pemantauan, Pengawalan dan Penilaian (Bab 7) RPH menekankan kepentingan dokumentasi dan penyimpanan rekod yang sempurna, termasuk maklumat kompartmen, rekod penyelidikan, dan kos operasi. Penguatkuasaan undang-undang perhutanan diperkukuh bawah Akta 313, memberikan kuasa kepada pegawai hutan untuk menangkap dan menyita. JPNPk juga melaksanakan sistem pengurusan aduan awam yang telus dan sistematik. Bagi memastikan keberkesanan RPH, semakan separuh penggal wajib dilaksanakan selepas lima tahun untuk menilai prestasi fizikal dan kewangan serta menangani masalah yang timbul.

Bab 8 (Bajet) mengunjurkan kestabilan kewangan. Anggaran jumlah kutipan hasil tahunan JPNPk adalah RM36,831,800.00 dengan anggaran keseluruhan kutipan royalti sebanyak RM104.0 juta sepanjang tempoh 2026–2035. Anggaran keseluruhan perbelanjaan (Mengurus, Pembangunan, dan KWPH) bagi tempoh 2026–2035 adalah sekitar RM798.7 juta. Peruntukan Mengurus (B25) dianggarkan berjumlah RM578.7 juta, manakala perbelanjaan Pembangunan (P05 dan P23) untuk RMK-13 (2026–2030) adalah RM64.015 juta, merangkumi projek seperti menaik taraf Kompleks Latihan Sg. Siput dan pembinaan Pejabat Hutan Daerah Hulu Perak. Pengurusan bajet yang cekap, telus, dan strategik adalah penting untuk memastikan kelestarian sumber hutan dan menyokong objektif Pelan Perak Sejahtera 2030.

RPH ini berfungsi sebagai rangka kerja holistik untuk mengurus hutan Perak, beralih daripada fokus kayu semata-mata kepada pengurusan perkhidmatan ekosistem yang bernilai tinggi, menyokong ekonomi hijau, dan menjamin warisan alam semula jadi untuk masa depan.